

# Sedia habuan lumayan

**SERDANG** - Kolej Enam Belas, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Ta-sik Idaman Event Sdn Bhd akan menganjurkan Pertandingan Memancing Terbuka UPM bertempat di Bukit Ekspo Taman Pertanian Universiti UPM pada 25 Julai ini.

Jurucakapnya berkata, kaki pancing di seluruh negara berpeluang memenangi pelbagai tawaran hadiah menarik berjumlah antara RM70,000 hingga RM80,000 pada pertandingan memancing terbuka UPM.

"Tawaran ini adalah yang terbesar dan ia tidak pernah dibuat mana-mana IPT sebelum ini. Hadiah utama wang tunai sebanyak RM30,000 menanti juara dan pemenang se-

hingga ke tempat ke-30.

"Selain itu, pertandingan ini juga menawarkan hadiah cabutan bertuah dua motosikal, tiga televisyen dan 40 hamper," katanya

Menurutnya, Sebanyak satu tan ikan patin akan dilepaskan ke dalam kolam pertandingan sebagai simbolik pelancaran pertandingan pada 18 Julai nanti yang akan dirasmikan Naib Canselor UPM, Prof. Tan Sri Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah.

Beliau berkata, pendaftaran akan bermula pada jam 12.00 tengah hari pada 24 Julai sehingga jam 2 petang pada 25 Julai ini.

"Yuran pendaftaran sebanyak RM100 dikenakan bagi setiap joran," katanya.